



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	30/12/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	JPSM		

4

Nasional

Khamis, 30 Disember 2021 BHM

'Tiada projek pembalakan di Hutan Simpan Lentang'

Jabatan hutan dakwa banjir lumpur bersama kayu mungkin disebabkan pembangunan di kawasan sekitar

Oleh Suzalina Halid dan Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendakwa tiada pem-

balakan atau projek ladang hutan di Hutan Simpan Lentang, yang dikaitkan banjir lumpur bersama kayu hanyut, dekat Bentong, Pahang, minggu lalu.

Ketua Pengarah JPSM, Datuk Mohd Ridza Awang, berkata semakan melalui imej satelit mendapati tidak ada kegiatan pembalakan dalam hutan simpan itu dikesan, selain tiada lesen dikeluarkan pihaknya berikutan hutan itu diwartakan sebagai kawasan tadahan air.

Namun katanya, banjir lumpur bersama kayu itu mungkin daripada projek pembangunan di kawasan sekitar hutan simpan terbit yang berstatus tanah milik sama ada persendirian atau kerajaan negeri.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pihaknya dimaklumkan terdapat dua atau tiga projek pem-

Mohd Hizamri (kanan) meninjau timbunan kayu di jambatan Kampung Seri Telemong, Bentong, semalam.
(Foto Mohd Rafi Mamat /BHM)



bangunan yang dilaksanakan di tanah milikan itu.

"Kita sudah mengarahkan pegawai dari Pahang untuk pergi ke lapangan sementara menunggu laporan penuh, namun berdasarkan semakan awal melalui Sistem Pemantauan Hutan (FMRS), tiada pembalakan berlesen di kawasan itu.

"Melalui imej satelit kita boleh nampak kawasan liputan dan kita lihat ia masih hijau dan tiada pembukaan atau lompong di situ.

"Namun, di luar kawasan itu, ada beberapa tanah milikan yang terbit dalam program pembangunan dan mungkin menyebabkan adanya kayu hanyut terbit," katanya kepada BHM, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas gesaan 45 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti tempatan supaya kerajaan mengadakan siasatan bebas serta mengambil tindakan segera terhadap mereka yang mungkin bertanggungjawab dalam kejadian bencana banjir lumpur bercampur batang kayu hanyut di pekan Karak

dalam kejadian minggu lalu.

Ketika ditanya sama ada wujudnya pembalakan atau penorek haram di kawasan hutan simpan itu yang menyumbang kepada bencana banjir lumpur itu, Mohd Ridza berkata, perkara itu masih dalam semakan.

Beliau berkata, tidak semua kawasan hutan menjadi milik kerajaan kerana ada sebahagianya adalah milikan persendirian di mana projek yang dibangunkan di situ perlu mendapat kelulusan beberapa agensi termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dari JAS dan kebenaran merancang dari pihak berkuasa tempatan (PBT).

Mengulas mengenai gesaan NGO itu, beliau menyambut baik, namun siasatan itu perlu telus bagi mencari punca sebenar tanpa agenda tersembunyi.

Sementara itu, Ketua Pengarah JAS, Wan Abdul Latiff Wan Jaffar, berkata semakan awal jabatan itu di Pahang mendapati tiada projek EIA yang membolehkan pembalakan atau ladang hutan di kawasan itu.

"Saya sudah mengarahkan JAS Pahang siasat, namun kami hanya terbit kepada aktiviti yang tertakluk kepada EIA iaitu dari segi kelulusan laporan EIA dan bukannya meluluskan projek," katanya.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Datuk Dr Mohd Hizamri Mohd Yasin, berkata kejadian kepala air yang terlalu deras dari Sungai Temerliak selepas hujan lebat selama tiga hari dikenal pasti menjadi punca berlaku balak hanyut di jambatan Sri Telemong Jalan Karak-Pelangai.

Longgokan balak dan sisa pokok juga memenuhi Lobuhraya Kuala Lumpur-Karak dekat Stesen Timbang Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Karak hingga menyebabkan laluan terbit ditutup beberapa hari.

Mohd Hizamri berkata, pihaknya melakukan siasatan di tempat kejadian bagi mencari punca berlakunya kejadian balak dan sisa pokok hanyut di dua tempat terbit.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

